

Australia siasat layanan kejam di pusat sembelihan

JAKARTA: Australia akan menyiasat rakaman video terbaru yang menunjukkan lembu dilayan dengan kejam di pusat sembelihan di Indonesia dan mungkin mengharamkan eksport terhadap pusat sembelihan itu jika ia melanggar peraturan kebajikan haiwan, kata Menteri Pertaniannya, Joe Ludwig, semalam.

Australia menggantung eksport lembu hidup ke Indonesia selama sebulan tahun lalu selepas rakaman video menunjukkan lembu dipukul dan dirotan sebelum disembelih yang disiarkan televisyen Australia.

Rakaman itu mencetuskan kemarahan kebanyakan masyarakat Australia, manakala tindakan kerajaan menimbulkan kebera-

ngan peladang yang berkata, langkah itu mengancam peluang pekerjaan rakyat Australia.

Aktivis haiwan berkata rakaman menunjukkan lembu dilayan secara kejam di pusat sembelihan di Indonesia ditayangkan di Australia kelmarin, menyeru supaya Australia menamatkan perdagangan lembu hidup bernilai AS\$340 juta (RM1.08 bilion) dengan Indonesia iaitu pelanggan terbesarnya.

"Memang ada kesalahan, ada kesilapan, tetapi undang-undang memastikan kami boleh menangani kesalahan dan kesilapan itu," katanya kepada radio Australia.

Menurutnya, kerajaan akan menyiasat insiden terbaru itu. - Kompas